BAB 5: PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab **semua** soalan

5.1 Pengangkutan Darat di Malaysia

1. Antara berikut, lebuh raya manakah yang menghubungkan kawasan pantai barat dengan kawasan pantai timur di Semenanjung Malaysia?

I Lebuhraya Persekutuan
II Lebuhraya Utara - Selatan
III Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak
IV Lebuhraya Timur - Barat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Maklumat di bawah adalah merujuk kepada lebuhraya apa?

Salah satu projek infrastruktur terbesar negara yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan bandar – bandar di Sabah dan Sarawak.

A Lebuhraya Pan Borneo
B Lebuhraya Kuala Krai – Gua Musang – Kuala Lipis
C Lebuhraya Pantai Timur
D Lebuhraya Tun Razak

3. Bandar apakah yang menjadi stesen persimpangan antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Malaysia bagi laluan pengangkutan kereta api?

A Ipoh
B Gemas
C Gua musang
D Kuala Lipis

5.2 Pengangkutan Udara dan Air di Malaysia

4. Berdasarkan **Peta 1** di bawah, pilih kombinasi yang betul antara lokasi dengan lapangan terbang antarabangsanya.

Peta 1

	Lokasi	Lapangan terbang antarabangsa
A	**P**	Lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu
B	**Q**	Lapangan terbang antarabangsa Langkawi
C	**R**	Lapangan terbang antarabangsa Kuching
D	**S**	Lapangan terbang antarabangsa Senai

5. Pelabuhan manakah di Malaysia yang dapat dikaitkan dengan pernyataan di bawah?

- Terminal kontena yang paling canggih di Malaysia.
- Mendapat pengiktirafan sebagai '*Process Compliant Port / Terminal of The Year*' (2017) dari *Global Port Forum.*

A Pelabuhan Klang
B Pelabuhan Pulau Pinang
C Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar
D Pelabuhan Tanjung Pelepas

5.3 Pengangkutan Awam di Malaysia

6. Apakah persamaan di antara ketiga-tiga pengangkutan awam dalam Foto 1 di bawah?

ETS

LRT

MRT

Foto 1

I Bersifat mesra alam
II Dapat membantu mengurangkan kesesakan di jalan raya
III Mengangkut barangan pukal dengan cepat ke destinasinya
IV Menghubungkan bandar dengan kawasan luar bandar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Jaringan Pengangkutan di Malaysia

7. Mengapakah jaringan jalan raya di Sabah dan Sarawak lebih tertumpu di sepanjang kawasan pantai sahaja?

I Kawasan pinggir pantai luas dan tanihnya subur
II Kawasan pinggir pantainya terlindung dari tiupan angin monsun
III Bentuk muka bumi kawasan pedalamannya bergunung ganang
IV Kawasan pedalamannya berhutan tebal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5.5 Kepentingan Pengangkutan Darat, Udara dan Air di Malaysia

8. Berdasarkan **Rajah 1**, apakah kepentingan X ?



Rajah 1

A Menggalakkan kegiatan import dan eksport dengan negara luar
B Boleh menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak
C Meningkatkan darjah ketersampaian terutama di kawasan pedalaman
D Menyelesaikan masalah pencemaran udara di bandar

5.6 Kepentingan Pengangkutan Awam di Malaysia

9. Antara berikut, pengangkutan awam manakah yang dapat membantu mengurangkan pencemaran udara di kawasan bandar?

A Teksi
B Kereta api rel bersepadu
C Bas henti-henti
D Bas ekspress

5.7 Amalan Pengangkutan Lestari

10. Mengapakah penduduk disarankan menggunakan kereta hibrid?

A Bersifat mesra alam
B Kos harganya jauh lebih murah
C Dapat membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas
D Dapat mengurangkan bilangan kenderaan di atas jalan raya